



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

BIL.15/ 2018

### PERMOHONAN PENGUNDIAN POS DALAM NEGARA DIBUKA MULAI 19 FEBRUARI 2018

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ingin memaklumkan bahawa warganegara Malaysia yang berdaftar sebagai pemilih dan termasuk dalam kategori-kategori Pengundi Pos Dalam Negara sebagaimana yang telah ditetapkan oleh SPR, boleh memohon undi pos mulai **19 Februari 2018 (Isnin)**.
2. Kategori mereka yang layak untuk memohon kemudahan mengundi melalui pos adalah mereka disahkan oleh majikan yang perlu bertugas pada hari mengundi adalah seperti berikut:
  - a) Petugas Pilihan Raya
  - b) Polis dan Tentera (yang tidak dapat hadir mengundi awal)
  - c) Petugas Media
  - d) Anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)
  - e) Anggota Jabatan Penjara Malaysia
  - f) Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).
  - g) Anggota dan Petugas Jabatan Kesihatan (Hospital dan Klinik Kerajaan sahaja)
  - h) Anggota Sukarelawan Polis (PVR)
  - i) Anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM),
  - j) Anggota Jabatan Imigresen Malaysia,
  - k) Anggota Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA),
  - l) Anggota Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) (yang bertugas di Pusat Transformasi Bandar (UTC) sahaja).

3. Sehubungan dengan itu, mereka yang termasuk dalam kategori -kategori (a), (b) dan (c) seperti di atas, boleh memohon kemudahan mengundi melalui pos menggunakan **Borang 1A**. Manakala bagi

mereka yang termasuk dalam kategori (d) hingga (l) seperti di atas boleh memohon dengan menggunakan **Borang 1C**. SPR telah memuat naik (*upload*) Borang 1A dan Borang 1C pada laman sesawang SPR di [www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my). Selain daripada itu, garis panduan untuk mengisi borang berkenaan juga boleh dimuat turun dari laman sesawang SPR.

4. Permohonan melalui Borang 1A yang telah diisi lengkap hendaklah dihantar ke Pejabat-Pejabat Pegawai Pengurus di Bahagian Pilihan Raya masing-masing.

5. Permohonan melalui borang 1C yang telah diisi lengkap hendaklah dihantar kepada Ibu Pejabat SPR di Putrajaya melalui kaedah-kaedah yang berikut:

- i. melalui emel kepada [upup@spr.gov.my](mailto:upup@spr.gov.my); atau
- ii. melalui faks ke 03-8881 0424/ 0399/ 0394/ 0386/ 0369; atau
- iii. melalui pos ke alamat berikut;

**Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia  
Menara SPR, No.2 Jalan P2T,  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 Putrajaya  
(u.p. Unit Pengurusan Undi Pos)**

6. Permohonan untuk mengundi melalui pos dalam Negara bagi kategori (a), (b) dan (c) akan ditutup pada Hari Penamaan Calon. Manakala bagi kategori (d) hingga (l) pemohonan akan ditutup lima (5) hari sebelum Hari Penamaan Calon.

7. Setiap permohonan yang diterima akan diproses dan pemohon akan dimaklumkan oleh SPR mengenai status permohonan mereka itu sama ada diluluskan atau sebaliknya.

8. Untuk sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini, orang ramai boleh menghubungi talian 03-88810081 atau emel ke upup@spr.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

**PUTRAJAYA**

Tarikh: 19 Februari 2018 / 3 Jamadil Akhir 1439H